



FAQ PERMOHONAN TAULIAH KHAS

1) Apakah Permohonan Tauliah Khas?

- Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan Khas adalah satu tauliah yang dikeluarkan kepada individu-individu yang tidak mempunyai Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan tetapi individu-individu ini dijemput oleh Kementerian/ Agensi/ Jabatan/ Kelab/ Persatuan/ Masjid atau Surau untuk menyampaikan suatu perkara daripada ajaran agama Islam di tempat-tempat tersebut.

2) Siapakah yang boleh membuat permohonan ini?

- Permohonan boleh dilakukan oleh mana-mana individu atau institusi yang mewakili individu yang dijemput untuk menyampaikan suatu perkara berkaitan pengajaran Agama Islam yang tidak mempunyai tauliah untuk mengajar agama Islam di Wilayah Persekutuan

3) Apakah syarat permohonan tauliah khas?

- Salinan dokumen hendaklah dihantar dengan lengkap
- Butiran program seperti Tarikh program, tajuk program dan Lokasi program hendaklah dinyatakan dengan jelas serta lengkap
- Menepati tempoh yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

| WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA DAN KUALA LUMPUR | WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN |
|------------------------------------------------------|-------------------------------|
| 14 hari sebelum program | 30 hari sebelum program |

4) Apakah dokumen yang diperlukan?

- Antara dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:
 - i- Salinan Pengenalan Diri (IC dan Passport) penceramah jemputan
 - ii- Salinan sijil kelayakan akademik (Agama) penceramah
 - iii- Gambar Penceramah
 - iv- Apa-apa salinan tambahan yang dianggap relevan berkaitan penceramah (Cth: Salinan Tauliah Negeri Lain/ Sijil Khusus/ Sijil Talaqqi)

5) Adakah bayaran dikenakan bagi permohonan ini dan berapakah bayarannya?

- Ya, berdasarkan Kaedah 3, Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Tauliah Mengajar Agama Islam)(Pindaan) 2021, semua tauliah yang dikeluarkan dikenakan bayaran mengikut kategori dan tempoh masing-masing.
- Bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut :

| WARGANEGARA (RM) | BUKAN WARGANEGARA (RM) |
|-----------------------------|-----------------------------------|
| 100 | 200 |

6) Bilakah pembayaran boleh dilakukan?

- Seperti juga permohonan Baharu dan lanjutan, pembayaran hanya boleh dilakukan selepas permohonan Tauliah khas mendapat kelulusan daripada pihak Ahli Jawatankuasa Tauliah Wilayah Persekutuan

7) Apakah kaedah pembayaran yang boleh dilakukan?

- Bayaran boleh dijelaskan melalui link pembayaran dan QR yang disediakan pada sistem e-tauliah. Resit bukti pembayaran perlu dimuat naik bagi tujuan semakan oleh piha urusetia sebelum surat Kelulusan Tauliah dikeluarkan kepada pemohon

8) Berapakah tempoh tauliah khas?

Pemohonan tauliah khas adalah secara *One-Off* Sahaja, iaitu berdasarkan Tarikh yang telah diluluskan oleh ahli Jawatankuasa seperti yang dimohon oleh pihak pengajur. Pemohon juga perlu menyatakan butiran program secara terperinci seperti Tarikh, Nama atau Tajuk Program dan maklumat penceramah.

9) Sekiranya permohonan tauliah khas ini diluluskan adakah terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi?

- Ya, apabila permohonan tauliah khas diluluskan, maka pihak pengajur hendaklah memastikan bahawa penceramah mematuhi peraturan yang berikut:
 - i- Tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - ii- tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan mana-mana Raja sebagai Ketua agama Islam sesuatu Negeri;
 - iii- tidak menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan yang tidak tak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - iv- tidak menyentuh isu parti politik, tidak menyentuh secara langsung hal-hal peribadi mana-mana individu dan tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama; dan
 - v- mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.